



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**JATI DIRI MELAYU DALAM KUMPULAN PUISI PILIHAN
A. AZIZ DERAMAN**

SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN

FBMK 2011 56

**JATI DIRI MELAYU
DALAM KUMPULAN PUISI PILIHAN A. AZIZ DERAMAN**



SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN

**MASTER SASTERA
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2011

**JATI DIRI MELAYU
DALAM KUMPULAN PUISI PILIHAN A. AZIZ DERAMAN**

The logo of Universiti Putra Malaysia (UPM) is a shield-shaped emblem. At the top left, the letters 'UPM' are written in white on a red rectangular background. The central part of the shield features a stylized white and red design, possibly representing a book or a traditional motif. The shield is set against a light grey background.

**Oleh
SYAIDUL AZAM BIN KAMARUDIN**

**Tesis Ini Telah Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sastera.**

Oktober 2011

DEDIKASI

INSAN MELAYU

*Insan Melayu mengukuh jati diri
amalan di rohani nilai terpuji
cuba menghindar segala yang keji
penuh hikmah berhati-hati.*

*Tabah, berani, hormat menghormati
akal budi tunjang abadi
peradaban Melayu khazanah diri
tetap berkilau menghiasi peribadi.*

*Wira Melayu suci fikiran
ingin dijauhi kepentingan sendiri
berjiwa pejuang, cinta kebenaran
laksamana bangsa ingin kucari.*

*Sejarah panjang sebuah persuratan
berakar bestari berpohon sejahtera
menjana ilmuan zaman berzaman
Minda Melayu memperkasa bangsa.*

*Melayu insanku
dari senjata kebenaran
bangkitlah bersaksi
menewas seteru Melayu
membunuh cemburu-nafsu
hidup dalam sanubarimu
sekian waktu.*

*Aku Melayu merindu
agung dalam saf juang yang satu
teguh berpadu menakhoda zaman
cekal merentas badai cabaran.*

**SYAIDUL AZAM KAMARUDIN
Pulai Indah, Johor.**

(Mingguan Malaysia)

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**JATI DIRI MELAYU
DALAM KUMPULAN PUISI PILIHAN A. AZIZ DERAMAN**

Oleh

SYAIDUL AZAM KAMARUDIN

Oktober 2011

Pengerusi : Profesor Madya Hajah Samsina Abd. Rahman, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini merupakan satu analisis tentang jati diri Melayu dalam kumpulan puisi pilihan A. Aziz Deraman iaitu *Kau dan Aku* (1994), *Bahtera Madani* (2001), *Gapura Diri* (2002), *Bicara Kasih* (2004), *Zaman Baru* (2006) dan *Mahligai Kencana* (2009). Jati diri Melayu merupakan elemen yang terpenting kerana di dalamnya terkandung khazanah bangsa yang harus dipertahankan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Dalam konteks pembangunan dan pematapan jati diri masyarakat Melayu kajian ini adalah penting kerana melalui pemahaman jati diri yang mantap akan terpancar ketatasusilaan, kebijaksanaan, ketaatan, akhlak dan pekerti bangsa Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Hal ini wajar diberi perhatian yang serius terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi yang dikatakan mampu mengubah jati diri sesuatu bangsa. Hasil penelitian kajian-kajian lepas rata-rata menyentuh unsur-unsur jati diri. Namun penerokaan aspek jati diri Melayu secara khusus dalam kumpulan puisi pilihan A. Aziz Deraman masih belum diusahakan dengan lebih mendalam. Pengkaji melihat bahawa

hasil sastera Melayu seperti ini haruslah dikaji, dinilai, difahami dan dibongkar maknanya kerana bermanfaat untuk masyarakat.

Teori Pengkaedahan Melayu janaan Hashim Awang memperkenalkan dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan utama ini turut memperlihatkan pertalian dan perkaitan antara satu sama lain. Dua objektif kajian adalah pertama, mengenalpasti dan menganalisis jati diri Melayu dalam puisi-puisi A. Aziz Deraman dari sudut teori Pengkaedahan Melayu. Kedua, mengutarakan faktor-faktor yang membantu pencitraan jati diri Melayu dalam puisi-puisi A. Aziz Deraman.

Teori Pengkaedahan Melayu telah diaplikasikan untuk mengenalpasti dan menganalisis jati diri Melayu yang terdapat dalam kumpulan puisi karya A. Aziz Deraman. Hasil dapatan menunjukkan puisi-puisi A. Aziz Deraman jelas mengutarakan jati diri Melayu. Ini dapat dikenalpasti melalui pemaparan dan pandangan penyair terhadap jati diri Melayu dalam aspek bahasa dan sastera Melayu, jati diri Melayu dalam aspek keagamaan dan jati diri Melayu dalam aspek kebudayaan Melayu. Ketiga-tiga teras jati diri Melayu dalam puisi-puisi A. Aziz Deraman ini menggambarkan pemahaman dan kesedaran A. Aziz Deraman tentang aspek jati diri Melayu yang harus kekal wujud dalam dirinya sekali gus sebagai pembinaan bangsa Melayu.

Penganalisan terhadap puisi-puisi A. Aziz Deraman membuktikan bahawa faktor-faktor yang dijana dari dalam diri penyair seperti iltizam yang padu, minat yang

mendalam, pendirian penyair yang teguh dan disebatikan dengan keyakinan Islam digembleng dengan faktor-faktor lain seperti kepelbagaian pengalaman, latar pendidikan, pemerhatian dan renungan, institusi kekeluargaan yang mesra, peningkatan usia, kembara penyair, serta keterlibatan secara langsung dalam institusi seni, budaya, bahasa dan sastera menjadi faktor utama kepada pencetus kelahiran puisi-puisinya yang jelas mencitrakan jati diri Melayunya.

Kajian juga mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang dimiliki oleh A. Aziz Deraman yang terpancar melalui puisi- puisinya dapat berperanan sebagai pengiktibaran dan peringatan, penyampai nasihat, membawa kemanfaatan dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Pengkaedahan Melayu. Sekali gus mencirikan kepenyairannya yang mempunyai jati diri kemelayuan yang mantap. Oleh yang demikian, pengkajian jati diri Melayu dalam puisi-puisi beliau adalah relevan untuk kepentingan masyarakat, bangsa dan negara pada masa kini dan akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra of Malaysia in fulfilment of the requirement for the Master of Arts.

**MALAY TRUE SELF
IN A. AZIZ DERAMAN SELECTED COLLECTION OF POETRY**

By
SYAIDUL AZAM KAMARUDIN

October 2011

Pengerusi : Associate Professor Hajah Samsina Abd. Rahman, PhD

Faculty : Bahasa Moden dan Komunikasi

This study was made to analyse and verified on Malay true self, in A. Aziz Deraman selected collection of poetries named *Kau dan Aku* (1994), *Bahtera Madani* (2001), *Gapura Diri* (2002), *Bicara Kasih* (2004), *Zaman Baru* (2006) and *Mahligai Kencana* (2009). Malay true self is a key point in that respective poem either it has a nationwide value or that has to be shield in Malay way of living. In a evolution and strengthen of Malay true self, this study is truly essential because through this elements of habitual, shrewd, piousness, morale and the uniqueness of Malay race, it also can be something that we proud of from time to time. This structure should be seriously mentioned as we now living in the world of materials and globalisation that been said can change our identity in many ways. The past studied had provide evidence that in this compilation of A. Aziz Deraman's poetry, lot of Malay true self emerged yet none of those has been deeply evaluate. Thus, this masterpiece should be study, value, comprehend and publish for mass benefits.

While using Malay Methodology Theory (Teori Pengkaedahan Melayu) generate by Hashim Awang who introduced two principles in Malay Methodology Theory; which are Nature Method and Religious Method. Both of these major methods were related from one and another. Two objectives there i.e. proclaim and analyse the Malay true self within A. Aziz Deraman's poems collectively from the point of Malay Theory of Methodology. Secondly, emphasize factors that help Malay true self image in A. Aziz Deraman's poetry.

Malay Methodology Theory was applied to identify and analyse Malay true self that was included in A. Aziz Deraman poetries. The remarkable findings were indicated that A. Aziz Deraman poetries clearly shown Malay true self. His Malay true self sentiments were portrayed in literature and language, religious and culture aspects. The three cores of Malay true self in A. Aziz Deraman poetries was demonstrated his understanding and consciousness on aspect that should have in Malay nation development.

Analysis of A. Aziz Deraman poetries was verified that the factors that was revealed by poet behaviour such as strong devotion, great interest, firm in principle and Islamic trust was blended with factors such as various experiences, education background, observations and thoughts, kindly family institution, increasing of age, poet travelling, and direct involvement in an art institution, culture, language and literature tending to inspires him in poetries writing.

The study also define that the Malay true self in A. Aziz Deraman that was revealed from his poetries was expressed as guidance, advices, brings many benefits and unite the society based on Islamic ethic and knowledge that become major principle in Malay Methodology. This indicates that his poetries have strong Malay true self. Because of that, the study of Malay true self in his poetries was relevant for society, nation and country for these present and future reimbursement.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala pujian bagi Allah SWT selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Dengan keizinan-Nya jualah dapat saya menyempurnakan amanah dalam penulisan ini.

Pertamanya ingin saya merakamkan ucapan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ybhg. Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Hj. Abd. Rahman atas keikhlasan pandangan, kesabaran layanan dan sentiasa menunjukkan denai perjalanan. Segalanya tidak terbanding dan hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baiknya. Semoga terus diberikan Allah SWT, kekuatan minda, kesihatan yang sempurna dan ketenangan fikiran dalam perjuangan membimbing anak bangsa menimba pengetahuan.

Seterusnya sekalungan terima kasih buat Ybhg. Prof. Madya Dr. Arbaie Sujud selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis. Ybhg. Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Abdul Rani selaku Pengerusi Peperiksaan Tesis. Ybhg Dr. Kamariah Kamarudin dan Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi selaku Pemeriksa Dalam yang telah setia memberi rangsangan dan saranan dalam usaha menyiapkan tesis ini.

Sekuntum terima kasih buat isteri yang sentiasa mengerti, Kamsiah Shufaat @ Mohd dan anak-anak, Muhammad Insanul Kamil dan Insanul Iman yang menjadi sumber inspirasi. Terima kasih juga kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atas kepercayaan memikul dan melunaskan amanah ini serta membiayai pengajian saya selama dua tahun.

Terima kasih yang tidak terhingga ingin dirakamkan buat penyair yang dihormati Y. Bhg Dato' Haji A. Aziz Deraman yang mengizinkan saya mengkaji puisi-puisi beliau. Ucapan terima kasih juga kepada Y. Bhg. Dr. Zurinah Hasan atas setia persahabatan dan kiriman bahan rujukan yang sangat berguna untuk kajian ini. Akhir sekali terima kasih buat para guru saya, pensyarah, rakan penulis serta karyawan yang sentiasa bertukar idea dan fikiran.

Syaidul Azam Kamarudin
42, Jalan Pulai Indah 4/14
Taman Pulai Indah
Johor Bahru
Johor.

Tesis ini telah dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Samsina Abd. Rahman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Arbaie Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.



SYAIDUL AZAM KAMARUDIN

Tarikh: 27 Oktober 2011

SENARAI JADUAL

Muka Surat

JADUAL

| | | |
|------|--|-----|
| 1a : | Puisi- Puisi A. Aziz Deraman daripada Aspek Bahasa dan Sastera Melayu | 78 |
| 1b : | Puisi- Puisi A. Aziz Deraman daripada Aspek Bahasa dan Sastera Melayu yang dianalisis | 79 |
| 2a : | Puisi- Puisi A. Aziz Deraman daripada Aspek Keagamaan | 143 |
| 2b : | Puisi- Puisi A. Aziz Deraman daripada Aspek Keagamaan yang dianalisis | 148 |
| 3a : | Puisi- Puisi A. Aziz Deraman daripada Aspek Kebudayaan Melayu | 186 |
| 3b : | Puisi- Puisi A. Aziz Deraman daripada Aspek Kebudayaan Melayu yang dianalisis | 187 |
| 4 : | Kumpulan Puisi A. Aziz Deraman Beserta Jumlah Puisi | 221 |
| 5 : | Ciri-ciri Jati Diri Beserta Jumlah Puisi Terlibat dan dianalisis | 222 |

SENARAI RAJAH

Muka Surat

RAJAH

- | | | |
|-----|--|----|
| 1 : | Pengkaedahan dalam Teori Pengkaedahan Melayu | 56 |
| 2 : | Kerangka Kajian dan Aplikasi Teori | 68 |



SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|--------------------------|-------------|
| DEDIKASI | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | vi |
| PENGHARGAAN | viii |
| PENGESAHAN | x |
| PERAKUAN | xi |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI KANDUNGAN | xiv |

BAB

| | | |
|----------|---|----|
| I | PENDAHULUAN | |
| | Pengenalan | 1 |
| | Pernyataan Masalah | 13 |
| | Objektif Kajian | 16 |
| | Kepentingan Kajian | 17 |
| | Kaedah Kajian | 18 |
| | Batasan Kajian | 19 |
| | Definisi Konsep dan Operasional | 20 |
| 2 | SOROTAN LITERATUR | |
| | Pengenalan | 27 |
| | Kajian tentang A. Aziz Deraman | 27 |
| | Tesis, Buku Ilmiah dan Jurnal/Majalah tentang Jati Diri | 30 |
| | Kajian yang Mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu | 33 |
| | Rumusan | 45 |

| | | |
|----------|--|-----|
| 3 | PENGKAEDAHAN MELAYU : SATU KERANGKA ANALISIS | |
| | Pengenalan | 48 |
| | Kecenderungan Sastera Melayu Terhadap Barat | 48 |
| | Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang | 52 |
| | Justifikasi Pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu | 66 |
| | Rumusan | 67 |
| 4 | KEPENGARANGAN A. AZIZ DERAMAN | 69 |
| 5 | ANALISIS JATI DIRI MELAYU DALAM PUISI-PUISI A. AZIZ DERAMAN | |
| | Pengenalan | 76 |
| | Jati Diri Melayu dalam Aspek Bahasa dan Sastera Melayu | 77 |
| | Rumusan | 139 |
| | Jati Diri Melayu dalam Aspek Keagamaan | 142 |
| | Rumusan | 183 |
| | Jati Diri Melayu dalam Aspek Kebudayaan Melayu | 185 |
| | Rumusan | 217 |
| 6 | KESIMPULAN DAN PENUTUP | 220 |
| | BIBLIOGRAFI | 226 |
| | BIODATA PELAJAR | 238 |
| | LAMPIRAN | 239 |